

Kerajaan Teliti Lanjutkan Elaun Khas Awal Persekolahan Untuk Tingkatan Enam Bernama
23 November , 2011

MACHANG, 23 Nov (Bernama) -- Kerajaan bersedia meneliti untuk melanjutkan pemberian elaun persekolahan RM100 untuk pelajar tingkatan enam, kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran berkata pihaknya akan mengkaji kewajaran memberikan elaun itu kepada pelajar terbabit.

Katanya kerajaan sebelum ini telah mengumumkan pemberian baucer buku RM200 untuk pelajar tingkatan enam dan pra-universiti.

"Untuk tingkatan enam kita akan tengok juga kerana pada masa ini kita bayar sampai tingkatan lima sahaja. Kita akan kaji sama ada wajar atau tidak," katanya selepas majlis sepetang bersama Timbalan Perdana Menteri yang dihadiri kira-kira 10,000 penduduk Machang di Sekolah Kebangsaan Machang Dua, di sini.

Muhyiddin turut menegaskan agar sekolah agama rakyat kendalian swasta mendaftar dengan Jabatan Pendidikan Islam di Jabatan Pendidikan untuk membolehkan mereka mendapat bayaran elaun persekolahan RM100.

Mengenai politik, Muhyiddin berkata Barisan Nasional (BN) akan menyelesaikan masalah bekalan air untuk penduduk Kelantan jika mereka memberikan mandat kepada BN pada pilihan raya umum ke-13 nanti.

Katanya PAS telah memerintah Kelantan 21 tahun, namun isu itu tidak selesai biarpun kerajaan pusat pernah menghulurkan bantuan RM600 juta kepada negeri untuk menyelesaikannya.

Muhyiddin berkata beliau yakin sokongan rakyat Kelantan semakin berubah kepada BN kerana mereka mahukan satu perubahan.

Mengenai persiapan banjir di Kelantan, beliau berkata berdasarkan taklimat yang diterimanya hari ini, segala langkah untuk bersiap sedia diambil oleh agensi persekutuan dan kerajaan negeri telah melaksanakannya.

"Kita tidak boleh elak daripada banjir apa yang boleh kita lakukan ialah bersiap sedia hadapi banjir dan segala keperluan telah disediakan lebih awal termasuk penyediaan makanan, peralatan keperluan seperti selimut," katanya.

Beliau turut meminta media agar menyalurkan maklumat mengenai perkembangan banjir terkini dengan lebih kerap.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=629329>

